

POLISI INTERNET DAN INTRANET POLITEKNIK MERSING JOHOR

Tujuan


Polisi ini bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan dokumen rasmi dalam persekitaran internet dan intranet dan juga bagi mengurangkan risiko gangguan operasi internet.

Pernyataan


1. Penggunaan internet adalah untuk menyokong prinsip asas politeknik dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pentadbiran.
2. Penggunaan internet bagi tujuan yang disebut di atas mestilah menghormati hak cipta, harta intelek dan hak persendirian pengguna lain.
3. Penggunaan internet oleh warga politeknik adalah satu keistimewaan dan bukan satu hak mutlak.
4. Penggunaan internet untuk akademik dan pentadbiran diberi keutamaan pada waktu beban puncak berbanding penggunaan di asrama kediaman pelajar (kamsis).
5. Pengguna internet bertanggungjawab memastikan integriti keselamatan ke atas pengenalan diri dan kata laluan semasa mengakses rangkaian dan sistem-sistem politeknik.
6. Penggunaan internet oleh warga politeknik hendaklah tidak mengganggu capaian prasarana ICT. Aktiviti memuat naik/turun data bersaiz besar yang memonopoli *bandwidth* adalah dianggap mengganggu capaian prasarana ICT.
7. Pihak politeknik berhak memastikan penggunaan sebarang aplikasi atas talian yang memerlukan sumber tinggi seperti aplikasi video *streaming* tidak mengganggu capaian prasarana ICT.
8. Pengguna adalah bertanggungjawab ke atas maklumat yang disebar dengan memastikan kesahihan maklumat tersebut serta mendapatkan pengesahan atau keizinan daripada pemiliknya.
9. Pengguna adalah bertanggungjawab memastikan peranti yang mencapai internet adalah bebas dari kod hasad seperti *spyware*, *adware*, *malware* dan virus.
10. Penggunaan internet bagi sebarang transaksi komersial adalah tidak dibenarkan. Sekiranya pengguna didapati melakukan transaksi tersebut untuk kepentingan peribadi maka pihak politeknik boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dan tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kerugian, kehilangan dan kerosakan di pihak pengguna.
11. Pengguna yang mencapai sesuatu perkhidmatan yang memerlukan pembayaran di dalam bentuk urus niaga elektronik dan menggunakan kad kredit, *Paypal* atau sebagainya atau atas perbankan atas talian adalah bertanggungjawab ke atas setiap transaksi yang dilakukan.
12. Setiap pengguna hendaklah memaklumkan kepada PTM sekiranya mengetahui atau mengesyaki berlakunya insiden yang boleh menggugat keselamatan komunikasi ICT politeknik.

13. Penyebaran dan memuat turun ataupun memuat naik bahan-bahan pornografi atau berunsur lucah, fitnah, ugutan dan berbaur politik adalah dilarang sama sekali.
14. Pihak politeknik berhak menarik balik keistimewaan kemudahan internet apabila berlaku pelanggaran penggunaan internet yang telah dinyatakan.
15. Pihak politeknik berhak untuk merujuk kepada pihak berkuasa berkaitan untuk mendapatkan nasihat berkaitan dengan tindakan wajar bagi memastikan pelanggaran polisi tidak berulang.
16. Sebarang aktiviti yang melibatkan forum, sembang siber, *instant messenger* dan juga sebarang teknologi yang berkaitan dengan komunikasi menerusi internet adalah sama sekali dilarang melainkan untuk tujuan pengajaran, penyelidikan, pengurusan dan pentadbiran.
17. Bagi mengoptimumkan *bandwidth* internet, pihak politeknik berhak untuk menetapkan nilai maksima dan nilai minima untuk sebarang akses kepada internet dan juga aktiviti muat turun/naik.
18. Aktiviti *hacking, scanning, sniffing, phishing, encryption* data secara tidak sah di dalam dan di luar politeknik dan melanggar privasi adalah dilarang sama sekali dan boleh dikenakan tindakan tatatertib atau menurut budi bicara politeknik.
19. Pengguna adalah bertanggungjawab untuk memasang perisian nyahkod hasad seperti antivirus, *antispam, antispyware* dan *antiadware* pada komputer yang digunakan ataupun di bawah tanggungjawab pengguna.
20. Pengguna juga adalah bertanggungjawab untuk memastikan setiap perisian nyahkod berkenaan hendaklah sentiasa dikemas kini fail definisi virus terkini bagi tujuan keselamatan.
21. Pihak politeknik berhak menentukan masa penggunaan internet di kampus dan kamsis bagi memastikan capaian internet bagi tujuan pengajaran, penyelidikan, pengurusan dan pentadbiran tidak terganggu iaitu :-
 - a. Staf / Kakitangan Politeknik : Wifi dan rangkaian LAN (tiada had limit)
 - b. Pelajar : PMJ_WIFI_Student (06:00 pagi sehingga 12:00 malam)
Wifi_Kamsis – Ahad, Isnin, Selasa, Rabu, Khamis (06:00 ptg sehingga 12:00 mlm)
Wifi_Kamsis – Jumaat & Sabtu (06:00 pagi sehingga 12:00 mlm)

Disiapkan Oleh:


(Mohd Farhan Ngatman)
Pegawai Teknologi Maklumat
Politeknik Mersing Johor

Disahkan Oleh:


(Leftenan Kolonel Bersekutu (PA) Hassan Bin Siraj)
Pegawai
Politeknik Mersing Johor